

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]

TARIKH : 13.3.2019 (RABU)

Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah status terkini Program *Food Bank* Malaysia sejak dilancarkan pada tahun lalu dan apakah perancangan dan langkah masa depan bagi Program Food Bank Malaysia dalam masa terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna (KPDNHEP) tidak pernah meletakkan nokhtah dalam mencari solusi terbaik kepada isu kos sara hidup yang dihadapi rakyat. Antara inisiatif yang giat dilaksanakan oleh Kementerian adalah inisiatif Program Food Bank Malaysia bagi mengatasi isu pembaziran makanan.

Pada tahun 2018, program ini telah berjaya memberikan manfaat kepada **27,556 ahli isi rumah** dan menyelamatkan sebanyak **992 metrik tan** lebih makanan. Atas penerimaan dan respon yang baik daripada masyarakat, KPDNHEP telah menubuhkan sebuah yayasan yang dikenali sebagai Yayasan Food Bank Malaysia yang didaftarkan secara rasmi pada 7 Januari 2019.

Yayasan ini akan menjadi pemangkin dalam menjayakan hasrat murni Kerajaan untuk menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan bagi menangani isu peningkatan kos sara hidup rakyat dan secara tidak langsung dapat mengurangkan pembaziran makanan.

Selain daripada meluaskan lagi pelaksanaan Program Food Bank Malaysia ke seluruh negara, Kementerian juga telah menggariskan beberapa perancangan hala tuju Program Food Bank Malaysia agar ianya dapat dijalankan secara holistik dan berterusan untuk memberikan manfaat yang secukupnya kepada golongan yang layak dan memerlukan.

Antara perancangan yang sedang dirangka adalah seperti berikut:

- i. Penggubalan Rang Undang-Undang berkenaan *Food Bank*; **dan**
- ii. Pelaksanaan Program *Food Bank* Malaysia di Institusi Pendidikan Tinggi Awam/Swasta.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini akan terus menyelusuri kaedah yang terbaik bagi membantu rakyat mendepani kos sara hidup yang semakin meningkat akibat daripada perubahan situasi ekonomi dunia kini.